

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN YANG KE-13**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH)**

**TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

**NO SOALAN : 72**

**SOALAN :** Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah insentif yang disalurkan kepada KRT yang mengamalkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan apakah kebajikan yang diberikan kepada ahli SRS memandangkan SRS ini dapat membantu pihak PDRM mencegah kes jenayah di samping dapat mengeratkan lagi silaturahim penduduk setempat.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Skim Rondaan Sukarela (SRS) ditubuhkan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 dengan fungsi sebagai pasukan rondaan sukarela yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga (RT). SRS bertindak membantu pihak berkuasa dalam membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di kawasan komuniti setempat melalui konsep kawalan dan juga rondaan.

Tugas SRS dijelaskan dalam Akta berdasarkan **Peraturan 18(1) Akta Rukun Tetangga 2012** iaitu Anggota SRS hendaklah mempunyai tugas yang berikut :

- (a) Tugas meronda di dalam Kawasan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga;
- (b) Tugas mengawal di Pusat Kawasan pada apa-apa waktu sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah; dan
- (c) Tugas mengawal di mana-mana premis, tempat atau lokasi di dalam Kawasan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah.

Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang melaksanakan pengoperasian SRS mendapat insentif tambahan yang diberikan Kerajaan iaitu pemberian bekalan peralatan asas rondaan SRS iaitu :-

- i) Vest
- ii) Baju Hujan
- iii) Topi
- iv) *Baton Light*
- v) Lampu Suluh
- vi) Cota
- vii) Wisel
- viii) Peti Ubat Kecemasan
- ix) Kon Keselamatan
- x) *Walkie Talkie*

Selain itu, Kerajaan juga memberikan peruntukan tambahan bagi pelaksanaan aktiviti atau program keselamatan oleh SRS di Kawasan Rukun Tetangga berkenaan. Insentif dari sudut lain adalah bantuan-

bantuan dari pelbagai agensi jaringan yang lain khususnya dalam memberi nasihat dan kepakaran dalam aspek keselamatan serta pemantauan keselamatan komuniti di kawasan tersebut.

Selain itu, ahli KRT yang mendaftar sebagai peronda SRS akan mendapat faedah perlindungan insurans berkelompok sebagai satu bentuk pengiktirafan dan kebajikan kepada mereka yang bertindak secara sukarela membantu pihak penguatkuasa tempatan melalui kerjasama dengan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dalam mencegah jenayah.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan untuk memberikan elaun kepada peronda SRS sebagai satu insentif tambahan.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perdana Menteri